

23/06/2001

`Peniaga politik' tidak patut dibantu

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan perlu bersikap tegas dalam pelaksanaan program membantu peniaga Bumiputera dengan hanya menyalurkan bantuan dan tender kepada usahawan tulen, bukannya kepada `peniaga politik'.

Malah, beberapa peniaga Bumiputera yang sudah membuktikan kemampuan mereka dalam perniagaan dengan bermula dari bawah, berkata jika ketegasan itu tidak dapat dilaksanakan, kerajaan mungkin perlu mengkaji semula sistem kuota yang diamalkan sekarang kerana ia dilihat sebagai antara faktor yang menjadikan usahawan Bumiputera lemah.

Presiden XYBASE Inc, Suhaimie Abu Hassan, berkata beliau tidak menafikan program yang dilaksanakan kerajaan bagi memajukan peniaga Bumiputera adalah baik.

Bagaimanapun, beliau berkata, dari segi pelaksanaannya ia agak mengecewakan.

"Terlalu banyak gangguan. Contohnya dalam proses tender. Kebanyakan tender tidak diberi kepada usahawan tulen yang berkemampuan dari segi kepakaran, tetapi kepada ahli politik atau yang mempunyai hubungan dengan ahli politik," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana tender itu tidak disalurkan kepada peniaga yang benar-benar layak, maka berlakulah kegiatan menjual projek kepada bangsa lain.

"Ia juga sekali gus membunuh peniaga Bumiputera yang berkemampuan tetapi tidak mempunyai hubungan politik," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-55, semalam.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, satu kelemahan yang menjadi punca kegagalan Bumiputera dalam perniagaan ialah kerana mereka tidak sabar untuk menjadi kaya.

Bagi mencapai matlamat itu pula, kata Perdana Menteri, mereka menjual apa saja peruntukan khas yang diberikan seperti saham, lesen, permit dan kontrak bagi mendapat keuntungan segera.

Suhaimie berkata, jika kerajaan mahu melihat Bumiputera berjaya dalam perniagaan dan mampu bersaing sehingga pada peringkat dunia, apa yang berlaku sekarang perlu dihentikan, dan kerajaan perlu bertegas bagi memastikan projek dan bantuan disalurkan kepada peniaga yang layak.

"Peniaga Bumiputera sudah ketinggalan dalam revolusi industri, dan jika kerajaan gagal bertegas, tidak lama lagi kita juga akan ketinggalan dalam revolusi IT," katanya.

Beliau turut mengaitkan kelemahan peniaga Bumiputera dengan sikap terlalu `manja' kerana menganggap status Bumiputera yang dimiliki, menjadikan kerajaan seolah-olah `berhutang' dengan mereka.

"Sikap manja itu perlu dihapuskan. Oleh itu kadang-kala jika diteliti ada baiknya semua keistimewaan dari segi kuota itu dihapuskan kerana ia menjadi punca kemandakan itu sehingga menyebabkan peniaga, malah pelajar Bumiputera lemah," katanya sambil menegaskan beliau percaya tanpa keistimewaan, peniaga Bumiputera mampu menjadi lebih berjaya.

"Jika anda benar-benar mahu berjaya dalam perniagaan atau pelajaran, apa yang perlu anda lakukan jika tiada bantuan? Sudah tentunya berusaha dengan lebih gigih," katanya.

Presiden Cosmopoint Sdn Bhd, Idrus Mohd Satha, turut bersetuju punca kegagalan Bumiputera dalam perniagaan adalah kerana kegagalan agensi pelaksana program menyalurkan tender dan bantuan kepada peniaga Bumiputera

tulen.

"Saya perhatikan banyak projek diberikan kepada mereka yang sebenarnya tidak layak dan bila orang sebegini yang memperolehnya, sudah tentu projek itu akan dijual dan untung yang diperoleh dibelanjakan kepada benda yang tidak perlu, beli kereta dan rumah mewah.

"Bila kita dapat mudah kita akan belanjakan dengan mudah, tetapi bagi mereka yang terpaksa bersusah payah untuk memulakan perniagaan dari bawah, sudah tentu mereka akan menghargainya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan perlu mengetatkan kriteria pemilihan pemberian tender dan bantuan bagi memastikan ia hanya disalurkan kepada peniaga Bumiputera yang layak.

"Jika tidak walau berbilion-bilion ringgit disalurkan sekalipun, ia tetap tidak akan mencapai matlamat," katanya.

Xybase yang ditubuhkan Suhaimie pada 1992, melalui anak syarikatnya, XYBASE Inc yang berpangkalan di Amerika Syarikat diiktiraf sebagai firma penyepadu lapangan terbang terbaik dunia.

Cosmopoint pula yang diasaskan Idrus berbekalkan modal RM20,000 kira-kira 10 tahun lalu, kini adalah antara institusi pengajian teknologi maklumat swasta terbesar tempatan dengan 10 cawangan di seluruh negara dan perolehan tahunan kira-kira RM30 juta.

(END)